

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
(SEPANG)  
**PERTANYAAN** : LISAN  
**TARIKH** : 17.03.2015

**Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [ SEPANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah konkrit yang telah diambil oleh Bank Negara Malaysia bagi mengelak serangan oleh pensabotaj ekonomi (*economic saboteurs*) ke atas ringgit berulang seperti krisis kewangan tahun 1997.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam mengikuti pergerakan nilai mata wang ringgit, Kerajaan melalui

Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa berwaspada terhadap aktiviti yang menimbulkan gangguan dalam pasaran pertukaran mata wang asing bagi memastikan ringgit tidak terdedah kepada serangan spekulasi. Sehubungan itu, BNM melakukan pemantauan harian terhadap pasaran mata wang bagi memastikan pergerakan pasaran mata wang adalah teratur. Bank-bank di Malaysia juga adalah dilarang daripada membenarkan seseorang individu mahupun syarikat korporat daripada mengambil kedudukan menjual singkat, dengan izin, *short selling* ringgit Malaysia kerana ini tidak dibenarkan berdasarkan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing.

2. Selain itu, BNM turut mempunyai peruntukan undang-undang yang berkaitan untuk menghalang aktiviti spekulasi terhadap ringgit di Malaysia dan di luar pesisir. Malah, berdasarkan Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing, sebarang transaksi mata wang oleh penduduk tempatan atau transaksi yang melibatkan ringgit mestilah dilaksanakan melalui bank tempatan yang berlesen.